

27 SEP 2000

PELABURAN-SYARAT

JOHOR TIDAK PERNAH LETAK SYARAT-SYARAT PELABURAN, KATA GHANI

JOHOR BAHRU, 27 Sept (Bernama) -- Johor tidak pernah meletakkan syarat-syarat pelaburan kepada para pelabur yang ingin menanam modal di negeri ini selain yang telah ditetapkan oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA).

Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman berkata, tidak ada syarat-syarat tambahan diletakkan kecuali kerajaan negeri bertanggung jawab berhubung kelulusan pelan bangunan dan pengeluaran sijil kelayakan (CF).

Katanya, Johor mengamalkan pendekatan menerima pelaburan melalui pusat sehenti yang ditubuhkan di peringkat negeri dan daerah.

Bagi peringkat negeri, Johor Corporation (JCorp) merupakan pusat sehentinya memandangkan kebanyakan kawasan-kawasan perindustrian di Johor dibangunkan oleh JCorp, katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Abdul Ghani berkata pusat sedemikian juga diwujudkan di peringkat daerah dan ia dipengerusikan oleh Yang Dipertua Majlis Daerah.

Lazimnya, kata beliau, kerajaan Johor akan memberikan kelulusan seberapa cepat yang boleh kepada mana-mana pelabur yang ingin mendirikan kilang mereka di negeri ini.

Mengikut syarat, sijil kelayakan akan hanya dikeluarkan 14 hari setelah sesebuah kilang itu dibina kerana ia perlu mendapat persetujuan tujuh buah jabatan.

Abdul Ghani, yang juga Pengerusi JCorp, berkata tidak berlaku kerenah birokrasi dalam soal kemasukan pelabur di Johor memandangkan pusat sehenti yang dikelolakan oleh JCorp cukup cekap.

Menteri Besar berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, yang meminta kerajaan-kerajaan negeri supaya tidak mengenakan pelbagai syarat yang boleh menyukarkan pelaksanaan projek pembangunan di negeri-negeri.

Dr Mahathir berkata banyak projek yang telah diluluskan oleh MIDA lewat dilaksanakan atau gagal sama sekali kerana syarat-syarat seumpama itu.

"Kita tidak pernah menerima aduan daripada pelabur bahawa berlakunya kerenah birokrasi dalam proses mereka hendak mewujudkan kilang di Johor," kata Abdul Ghani. -- BERNAMA

MKO OS